

PRAKTIS KE ARAH UPSR 7

UPSR SISTEM BAHASA

Kertas Pemahaman (Bahagian A: Soalan 1 – 20
dan Bahagian B: Soalan 21 – 25)




Pautan Digital

Praktis 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang *paling sesuai*.


Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah ini.



1. Pak Cik Rahmad _____ seguni dedak untuk ayam-ayamnya.

- | | |
|------------------|---------------------|
| A menarik | C mengandar |
| B memikul | D menjunjung |

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



2. Racun perosak untuk tanaman padi _____ menggunakan dron yang dikawal.

- | | |
|------------------|-------------------|
| A dijiros | C direnjis |
| B ditabur | D disembur |


3. Bongkah cendawan yang telah siap akan _____ pada suhu 100°C selama lapan jam.

- | | |
|------------------|-------------------|
| A direbus | C dikukus |
| B ditanak | D dijerang |

4. Badannya berbau _____ selepas pulang dari kandang kambing.

- | | |
|-----------------|----------------|
| A hanyir | C hamis |
| B tengik | D harum |

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah ini.



5. Harga daging lembu Wagyu sangat mahal kerana isinya yang sangat _____.

- | | |
|----------------|-----------------|
| A licin | C lembik |
| B empuk | D lembut |

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah ini.



6. Kami sekeluarga akan pergi _____ Serdang _____ bulan hadapan untuk menghadiri pameran MAHA.

- | | |
|----------------------|-----------------------|
| A di ... pada | C di ... dalam |
| B ke ... pada | D ke ... dalam |

Praktis Digital
Rujuk Panduan Guru m.s. G95

menabur

meringankan

disiram

memetik

disampaikan

dihidangkan

Praktis 2

Isi tempat kosong dengan *kata kerja* yang paling sesuai.

1. Penciptaan pelbagai alat teknologi telah beban kerja petani.
2. Abang baja pada tanamannya dengan menggunakan dron.
3. Imran sayur-sayuran di kebun ayahnya pada hujung minggu.
4. Sayur-sayuran itu akan oleh Pak Ariffin pada setiap hari.
5. Sofea makan buah durian yang oleh neneknya.
6. Taklimat tentang penternakan rusa itu oleh Encik Ismail.

Praktis 3

Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini. KLON UPSR 2017

1. Kulit pisang itu dikisar sehingga untuk dijadikan tepung.

remuk ☐

lumat ☐

kecil ☐

2. Irfan berasa kerana dapat makan buah-buahan yang di dusun datuknya.

seronok
cerdas ☐

bangga
cergas ☐

gembira
segar ☐

Praktis 4

ke

dari

bahawa

pada

Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini *salah penggunaannya*. Tulis *perkataan yang betul* dalam ruang yang disediakan. KLON UPSR 2017

1. Abang Firdaus membersihkan kandang ternakan ayamnya di setiap hari.
2. Murid-murid Tahun 4 Arif berasa gembira ketika melawat kepada muzium pertanian.
3. Beberapa orang pengusaha dusun durian daripada Kedah telah terpilih untuk mengeksport durian sejuk beku.
4. Cikgu Aiman memberitahu murid-muridnya yang sektor pertanian ialah sumber pendapatan negara.